



SIARAN MEDIA

MOSTI BANTU AGENSI NUKLEAR MALAYSIA BANGUNKAN PROJEK MOSTI SOCIAL INNOVATION (MSI) DI SABAH

Nabalu, Sabah, 24 Februari 2017 – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek Mosti Social Innovation (MSI) Agensi Nuklear Malaysia pada 24 Februari 2018 bertempat di Dewan Pekan Nabalu, Tuaran.

Majlis penyerahan ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada komuniti yang terlibat dalam projek MSI MOSTI ini.

Sebanyak empat projek yang dibangunkan oleh penyelidik Nuklear Malaysia dengan dana daripada MSI telah diserahkan oleh YB Menteri MOSTI kepada komuniti terbabit iaitu :

- a) Pembangunan Sistem Penghasilan Asap Cecair (Liquid Smoke) dari Pembakaran Buluh (Bamboo) di Tambunan, Sabah
- b) Pakej Penanaman Mutan Tanaman Hiasan Untuk Penjanaan Ekonomi Baru Bagi Komuniti Kampung Bundu Tuhan, Ranau, Sabah
- c) Tiang Sokongan Biokomposit Untuk Sistem Perladangan Lada Hitam di Kampung Lokos, Sabah, dan
- d) Pakej Penanaman Stevia Untuk Penjanaan Ekonomi Baru Bagi Komuniti Di Tuaran, Sabah.

Program MOSTI Social Innovation (MSI) merupakan hasrat kerajaan membantu memenuhi keperluan masyarakat luar bandar meningkatkan kesejahteraan hidup melalui pelaksanaan projek, perkhidmatan, peningkatan kemahiran dan hasil inovasi menggunakan teknologi sedia ada.

Ini sebahagian usaha MOSTI merakyatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) yang memberi tumpuan khusus mempertingkatkan ekonomi rakyat selain memastikan ekonomi modal negara terus berkembang.

*Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
21 Februari 2018*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Hasfazilah Hassan, Pengurus Komunikasi Korporat di talian 012-5001051 atau Encik Halim Jumat di 012-6724133